

14 JUL 2001

Mahathir-Kehidupan

PENDAPATAN DAN KUALITI HIDUP RAKYAT MALAYSIA MENINGKAT

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendapatan rakyat Malaysia kini semakin meningkat dan kualiti hidup mereka juga bertambah baik.

Dalam ucapannya ketika mempengerusikan sesi ketiga dialog Belanjawan 2002 di sini, hari ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata Indeks Kualiti Hidup Malaysia telah meningkat daripada 86.22 pada 1980 kepada 112.03 pada tahun 2000.

Peningkatan ini berpunca daripada kemajuan yang dicapai dalam pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, pendidikan, perumahan dan budaya, katanya.

Ia dicapai melalui penyediaan secara berterusan kemudahan sosial dan infrastruktur bagi penduduk bandar dan luar bandar, katanya.

Pada tahun 1995, Dr Mahathir berkata 54.4 peratus isi rumah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah iaitu mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan dan pada 1999, golongan ini berkurangan kepada 43.8 peratus.

Matlamat kerajaan adalah untuk mewujudkan kelas pendapatan pertengahan yang lebih besar iaitu isi rumah yang berpendapatan antara RM1,500 dan RM3,500 sebulan dan golongan ini telahpun meningkat daripada 32.2 peratus pada 1995 kepada 37 peratus pada 1999.

Dr Mahathir berkata kadar kemiskinan juga lebih baik dengan penurunan ketara kepada 7.5 peratus di seluruh negara pada 1999 berbanding 49.3 peratus di Semenanjung sahaja semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada 1970.

Kini, kerajaan menumpukan kepada usaha-usaha untuk menangani masalah ketermiskinan yang merupakan nasib 1.4 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 1999.

Kerajaan juga, katanya, telah menyediakan peruntukan yang besar untuk meningkatkan pendapatan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Daripada peruntukan yang disediakan, 45.9 peratus adalah untuk sektor ekonomi terutamanya untuk program infrastruktur, pertanian dan industri sementara 25.6 peratus lagi disediakan untuk program pendidikan dan perumahan.

-- BERNAMA

SHO MAM PR